



KEADAAN mayat seorang bayi perempuan yang dijumpai mati ditinggalkan di hadapan Masjid Permatang Duyong, Melaka semalam.

Mayat bayi perempuan diletak depan masjid

MELAKA - Mayat seorang bayi perempuan yang baru dilahirkan dengan dipenuhi semut ditemui ditinggalkan di hadapan pintu pagar Masjid Permatang Duyong di sini semalam.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Saleh-hudin Abd. Rahman berkata, bayi yang cukup sifat dan masih bertali pusat itu dibaluti dengan kain putih tetapi badannya kemerahan akibat digigit semut.

"Mayat bayi berkenaan disedari ditinggalkan di masjid itu oleh jemaah masjid selepas mereka se-

lesai menunaikan sembahyang subuh," kata beliau ketika dihubungi di sini.

Saleh-hudin berkata, penemuan mayat bayi itu dilaporkan kepada polis oleh bilal masjid itu, Mohamad Abu.

Beliau berkata, mayat bayi itu dihantar ke Hospital Melaka di sini untuk bedah siasat.

Katanya, polis sedang mengesan ibu bayi berkenaan dan menyiasat kes itu mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan kerana menyembunyikan kelahiran dan menyebabkan kematian. - Bernama